

PANDUAN KURSUS

PENGENALAN

KRP 3013 (Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah) ialah kursus teras yang wajib diambil oleh semua pelajar yang mengikuti program ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Sekolah Rendah). Kursus ini ditawarkan oleh Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Kursus yang bernilai tiga (3) jam kredit ini mendedahkan kepada pelajar untuk seterusnya memahami dan menganalisis perkara-perkara yang berkaitan dengan kurikulum dan pengajaran yang terdapat di sekolah rendah.

SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami perkara-perkara berkaitan kurikulum dan pengajaran peringkat sekolah rendah. Perhatian diberikan kepada kefahaman tentang perkembangan dan kandungan kurikulum; pelaksanaan pengajaran; pentaksiran; isu-isu dan perkembangan terkini berkaitan pendidikan sekolah rendah yang menjadi asas untuk menjadi guru di sekolah rendah.

HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran kursus ini ialah seperti berikut.

1. Menceritakan sejarah perkembangan kurikulum dan pengajaran sekolah rendah.
2. Menghuraikan konsep KBSR dan KSSR dari segi matlamat, organisasi dan mata pelajaran di sekolah rendah.
3. Menjelaskan konsep pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dari segi kesepaduan, bahan pengajaran dan pengurusan kelas.
4. Menunjukkan konsep dan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian di sekolah rendah.
5. Membincangkan isu-isu dan perkembangan terkini tentang kurikulum dan pengajaran di sekolah rendah.

TOPIK

Kursus ini meliputi tiga belas topik utama. Dua belas topik adalah seperti yang tertera dalam halaman Isi Kandungan modul ini. Topik ketiga belas iaitu Isu-isu Tentang Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah tidak dibincangkan secara khusus dalam modul ini kerana isu-isu dibincangkan serentak dengan setiap topik dalam modul ini.

PANDUAN PENGGUNAAN MODUL

Terdapat dua belas unit pembelajaran yang terkandung dalam modul ini yang ditulis oleh penulis modul yang tertentu. Setiap unit dalam modul ini menjelaskan dan membincangkan topik dan subtopik yang relevan dengan kandungan kursus. Hasil pembelajaran yang diharapkan daripada setiap unit dinyatakan. Peta konsep topik dan subtopik yang terkandung dalam setiap unit juga dipaparkan sebagai gambaran awal berkaitan topik dan subtopik yang dibincangkan. Setiap unit dalam modul ini juga memaparkan sedikit fakta sebagai pencetus idea kepada topik atau subtopik yang dibincangkan. Selain fakta sebagai pencetus idea untuk difahami, dibincang dan dianalisis, setiap unit dalam modul ini juga menyarankan beberapa aktiviti yang perlu dilakukan oleh pelajar sebagai penggerak untuk kelangsungan proses pembelajaran kursus ini. Penilaian Kendiri yang mengemukakan beberapa soalan juga terdapat di setiap unit dalam modul ini bagi menguji penguasaan. Walau bagaimanapun pembelajaran kursus ini adalah tidak terbatas kepada apa yang terdapat di dalam modul ini sahaja. Sebaliknya, para pelajar juga perlu membuat rujukan lanjut daripada buku-buku rujukan atau laman web yang berkaitan dengan topik-topik yang dibincangkan bagi menambahkan lagi khazanah ilmu yang dipelajari.